

# KONGRES & PERSIDANGAN SUMBER MANUSIA ANTARABANGSA ASIA 2008 DI JAKARTA



Ke arah meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia yang lebih efisien dan efektif dalam sistem pentadbiran organisasi, Penolong Pendaftar SPE, En. Samasuddin Hj. Yusop bersama beberapa orang kakitangan bahagian pendaftar UMS telah berkesempatan menghadiri Kongres Sumber Manusia Asia yang berlangsung pada 22-24 Julai 2008 di Jakarta Indonesia baru-baru ini. Menerusi kongres tersebut pelbagai ilmu dan teknik pengurusan sumber manusia dapat dipelajari menerusi pembentangan kertas kerja serta perkongsian pengalaman pakar-pakar dari pelbagai Negara yang menghadiri kongres tersebut. Melalui pendedahan sebegini pastinya akan dapat meningkatkan kelancaran serta pengurusan sumber manusia yang lebih baik dapat diterapkan di peringkat pengurusan sumber manusia di Sekolah Perniagaan & Ekonomi selepas ini. Kongres tersebut telah dirasmikan oleh Wakil Presiden Indonesia, Drs Yusof Kalla.

